

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 APRIL 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Sinaran RF 700 pemancar berdaftar selamat	Harian Metro
2.	Delegasi Malaysia lawat China untuk belajar program tenaga nuklear	BERNAMA
3.	JAKIM tak keluarkan sijil halal	Berita Harian
4.	Tiada sijil halal dikeluarkan untuk 'bir halal'	Utusan Malaysia
5.	Bir halal tidak layak mohon sijil halal	Harian Metro
6.	Bir halal tiada sijil halal JAKIM: Jamil Khir	Sinar Harian
7.	SS14 residents make green pledge	The Star

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 18 APRIL 2017 (SELASA)

Sinaran RF 700 pemancar berdaftar selamat

Bangi: Tahap sinaran Frekuensi Radio (RF) di lebih 700 infrastruktur pemancar telekomunikasi berdaftar di seluruh negara disahkan tidak melebihi had dedahan sinaran dibenarkan Suruhanjaya Antarabangsa Perlindungan Radiasi Sinaran Tidak Mengion (ICNIRP).

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia (ANM) Dr Mohd. Ashhar Khalid berkata, had dedahan sinaran RF bergantung kepada frekuensi yang digunakan aplikasi sinaran terbabit.

"Contohnya penyedia rangkaian komunikasi di Malaysia menggunakan pelbagai julat frekuensi masing-masing tetapi had maksimum untuk orang awam adalah 1,000 mikrowatt per sentimeter persegi.

"Secara purata bacaan pemancar telekomunikasi berlesen di negara ini adalah kurang dari satu peratus daripada had dedahan dibenarkan ICNIRP," katanya.

Menurut Mohd Ashhar lagi, terdapat dua jenis radiasi iaitu Radiasi Berion dan Tak Berion, yang mana radiasi berion memiliki tenaga yang cukup untuk mengubah tindak balas kimia pada tubuh badan dan memberi kesan kepanasan melampau sepe-



WAN Saffiey menunjukkan peralatan mengukur had sinaran RF di Agensi Nuklear Malaysia.

ti sinaran Gama dan sinaran X (X-ray).

Manakala Radiasi Tak Berion pula tidak memiliki tenaga yang cukup untuk menyebabkan pengionan dalam jirim hidup dan tidak mendatangkan kesan buruk pada manusia contohnya radiasi RF daripada pemancar televisyen, radio dan peralatan telekomunikasi.

Katanya, pembinaan struktur pemancar telekomunikasi penting bagi memastikan liputan telefon dan internet adalah baik di sesuatu

kawasan dan biasanya ia dibina berhampiran taman perumahan serta premis komersial.

"Pemilihan kawasan dilakukan pihak telekomunikasi bersama syarikat berlesen yang dilantik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) selain perlu mendapat permit daripada pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Bahagian Kesihatan dan Keselamatan Sinaran ANM, Dr Wan Saffiey Wan Abdullah

berkata, agensi terbabit berkeupayaan dan mempunyai kepakaran untuk mengukur aras sinaran RF yang dihasilkan struktur pemancar telekomunikasi.

Kata Wan Saffiey, komponen utama dalam penilaian sinaran RF adalah tenaga pakar serta peralatan mengukur medan elektrik dalam julat frekuensi yang digunakan syarikat telekomunikasi.

Jelas beliau, protokol pengukuran dan penilaian berdasarkan kepada cadangan oleh standard antarabangsa selain itu, ANM turut membangunkan protokol piawaian Malaysia sendiri dalam mengukur serta menilai RF dari struktur telekomunikasi menerusi Jabatan Standard Malaysia.

"Jika ia melebihi tahap selamat bermakna ia tidak mematuhi garis panduan SKMM dan juga ICNIRP."

"Pihak SKMM boleh mengambil tindakan bersama PBT berdasarkan kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan," katanya.

Menurut beliau lagi, jika terdapat aduan daripada orang ramai mengenai isu radiasi yang dihasilkan oleh struktur pemancar tidak berlesen, pihaknya akan



Purata bacaan pemancar telekomunikasi berlesen di negara ini adalah kurang daripada satu peratus"

Mohd Ashhar

sa untuk meroboh atau menurunkan sesebuah infrastruktur tidak berlesen kerana kelulusan pembinaan struktur pemancar adalah di bawah tanggungjawab PBT.

"PBT bertanggungjawab untuk memantau kerja pembinaan dan sebarang pelanggaran syarat atau peraturan adalah di bawah bidang kuasa mereka," katanya.

menjalankan pengukuran atau audit kepada aras sinaran RF sekiranya terdapat permintaan.

Katanya, ANM bukan agensi penguat kuasa dan mereka tidak memiliki kua-



ANTARA antena frekuensi tinggi yang dikesan di sekitar ibu kota.



Delegasi Malaysia Lawat China Untuk Belajar Program Tenaga Nuklear

BEIJING, 17 April (Bernama) -- Seramai 19 delegasi Malaysia yang diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Nancy Shukri, berada dalam lawatan kerja selama lima hari ke China bagi mempelajari infrastruktur program tenaga nuklear atas jemputan China Nuclear Society (CNS).

Delegasi itu terdiri daripada pihak-pihak berkepentingan dan wakil agensi-agensi kerajaan seperti Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia (MNPC), Suruhanjaya Tenaga, Agensi Inovasi Malaysia, Unit Perancang Ekonomi, **Agensi Nuklear Malaysia**, ahli-ahli akademik dan eksekutif-eksekutif Kanan Tenaga Nasional Bhd.

Menurut Nancy, walaupun Malaysia masih belum mahu menggunakan tenaga nuklear, lawatan ini adalah penting bagi menyediakan negara dan mendapatkan seberapa banyak maklumat mengenai industri tersebut.

Tenaga nuklear adalah isu yang sensitif dan kompleks yang memerlukan pemahaman yang mendalam, lawatan ini bertujuan mendapatkan pendedahan langsung.

"Kita perlu bersedia (sebelum membuat sebarang keputusan). Peranan utama sekarang ini adalah untuk mendidik. Pemahaman tentang nuklear masih lagi kurang tetapi ramai orang sudah menunjukkan minat. Malah di Parlimen, soalan mengenai kuasa nuklear telah ditanyakan, ini satu petanda yang baik," katanya kepada Bernama.

Ketua Pegawai Eksekutif MNPC Dr Mohd Zamzam Jaafar berkata lawatan itu akan membolehkan pihak yang berkepentingan untuk melihat sendiri bukan sahaja infrastruktur program nuklear China seperti loji-loji janakuasa (NPP) yang beroperasi dan yang sedang dibina tetapi juga untuk mengkaji pelaksanaan program komunikasinya.

"China mempunyai negara yang paling banyak loji kuasa nuklear yang sedang dalam pembinaan. Mereka sudah bermula sejak dari awal tahun 80-an, mereka belajar dari semua pihak seperti Rusia, Perancis, Kanada dan Amerika Syarikat. China juga telah menaik taraf teknologi mereka selepas tragedi Fukushima," katanya.

Sebelum ini, China merupakan pembeli loji kuasa nuklear, tetapi sekarang ia sudah mempunyai kepakaran teknologi dan objektif utamanya adalah untuk membina kekuatan sendiri dalam kuasa nuklear tanpa perlu pergantungan dari luar.

Menurut Persatuan Nuklear dunia, China telah pun mempunyai 36 NPP yang sedang beroperasi, 21 masih di bawah pembinaan dan lebih banyak lagi loji yang akan dibina.

Penggunaan nuklear di China menjadi semakin meningkat disebabkan oleh pencemaran udara dari loji-loji yang berasaskan arang batu.

Sementara itu, delegasi Malaysia dijangka akan melawat China Nuclear Power Engineering Cooperation (CNPE) di Beijing, Pangkalan Kuasa Nuklear Qishan di Qishan, kira-kira 100 km dari Shanghai dan Shanghai Electric Group Co. Ltd.

Awal hari ini, delegasi itu telah melawat Institusi Tenaga Atom China (CIAE) dan telah diberi taklimat mengenai inisiatif-inisiatifnya seperti reaktor pantas, reaktor mikro dan produk keselamatan nuklear.

Delegasi itu juga melawat Universiti Tsinghua dan Pentadbiran Tenaga Nasional China (CNEA), di mana Setiausahanya, Li Yangzhe menerangkan strategi, peraturan dan dasar-dasar tenaga China.

Malaysia kini sedang meneroka pilihan menggunakan tenaga nuklear untuk memenuhi permintaan masa depan tetapi telah menyatakan bahawa ia tidak tergesa-gesa atau meletakkan sasaran masa untuk program tersebut.

Pada masa sekarang, penggunaan arang batu dan gas, masing-masing memenuhi kira-kira 50 peratus dan 45 peratus, keseluruhan campuran penjanaan tenaga di Semenanjung Malaysia, dan kurang daripada lima peratus penjanaan tenaga di Malaysia datang dari sumber hidro, biodiesel dan biojisim.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (ISU) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 18 APRIL 2017 (SELASA)

PRODUK MINUMAN 'BIR HALAL'

JAKIM tak keluarkan sijil halal

➔ Penggunaan nama bertentangan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia

■ Kuala Lumpur

Tiada sijil halal dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk minuman 'bir halal' atau mana-mana produk menggunakan nama menyerupai atau dikaitkan dengan perkara yang haram.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, menegaskan penggunaan nama 'bir halal' bertentangan dengan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) dan **Standard Malaysia (MS1500:2009)** yang dijadikan asas oleh JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam pengurusan sijil halal.

"Dalam manual itu, jelas dinyatakan bahawa produk yang menggunakan nama ataupun nama sinonim dengan produk tidak halal atau istilah yang mengelirukan seperti ham, bak kut teh, bakon, bir

dan seumpama dengannya adalah tidak layak memohon sijil halal Malaysia.

Larang istilah mengelirukan

"Makanan halal dan bahan perisa tiruan halal juga hendaklah tidak menggunakan nama atau nama sinonim dengan istilah yang mengelirukan merujuk kepada makanan tidak halal," katanya menjawab soalan Senator Khairiah Mohamed yang meminta kerajaan menyatakan senarai bir halal yang diluluskan dan berada di pasaran serta syarat penjualan bir halal di Dewan Negara, semalam.

Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negara bermula semalam dan berakhir pada 27 April ini.

Mengulas lanjut, Jamil Khir berkata sesetengah minuman itu mendapat sijil halal daripada syarikat swasta atau badan persijilan

halal luar negara dan ada juga yang tidak menggunakan sebarang logo halal pada produk mereka.

"JAKIM dan JAIN adalah pihak berkuasa dalam persijilan halal Malaysia. Setiap permohonan sijil halal Malaysia perlu mematuhi MPPHM atau standard keputusan fatwa dan peraturan yang berkaitan yang diguna pakai dalam urusan pensijilan halal Malaysia," katanya.

Sebagai langkah menjaga kepentingan pengguna, Jamil Khir berkata tindakan undang-undang di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, yang memperuntukkan hukuman RM200,000 boleh digunakan jika sabit kesalahan kepada syarikat pengeluar produk itu sekiranya produk berkaitan didapati berada di pasaran yang menggunakan label dan tanda halal Malaysia.



Produk yang menggunakan nama ataupun nama sinonim dengan produk tidak halal atau istilah yang mengelirukan seperti ham, bak kut teh, bakon, bir dan seumpama dengannya adalah tidak layak memohon sijil halal Malaysia"

Jamil Khir Baharom,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri

BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 18 APRIL 2017 (SELASA)

Tiada sijil halal dikeluarkan untuk 'bir halal'

KUALA LUMPUR 17 April - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) tidak pernah mengeluarkan sijil halal untuk minuman 'bir halal'

atau mana-mana produk yang menggunakan nama atau dikaitkan dengan produk haram.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk

Seri Jamil Khir Baharom berkata, penggunaan nama 'bir halal' bertentangan dengan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) dan **Standard Malaysia** (MS1500:2009) yang dijadikan asas kepada Jakim dan jabatan agama Islam negeri (JAIN) dalam pengurusan sijil halal.

"Dalam MPPHM Perkara 4.8 (x) dengan jelas menyatakan bahawa produk yang menggunakan nama atau nama yang sinonim dengan produk tidak halal atau istilah yang mengelirukan seperti ham, bak kut teh, bacon, bir dan seumpamanya adalah tidak layak memohon persijilan halal Malaysia," katanya menjawab soalan **Senator Khairiah Mohamed** dalam sidang Dewan Negara hari ini.

Menurut Jamil Khir, sesetengah minuman tersebut mendapatkan sijil halal daripada syarikat swasta dan badan persijilan halal dari luar negara dan ada juga yang tidak menggunakan logo halal bagi produk mereka.



**JAMIL KHIR
BAHAROM**



KHAIRIAH MOHAMED

Bir halal tidak layak mohon sijil halal

Kuala Lumpur: Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom menegaskan sehingga kini tiada sijil halal dikeluarkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) untuk minuman 'bir halal' atau produk menggunakan nama menyerupai atau dikaitkan dengan perkara yang haram.

Menurut beliau, penggunaan nama bir halal bertentangan dengan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) dan **Standard Malaysia (MS1500:2009)** yang dijadikan asas kepada Jakim dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam pengurusan sijil halal.

"Dalam manual berkenaan, jelas dinyatakan bahawa produk menggunakan nama ataupun nama sinonim dengan produk tidak halal atau istilah mengelirukan seperti ham, bak kut teh, bakan, bir dan

seumpamanya tidak layak untuk memohon sijil halal Malaysia.

"Makanan halal dan bahan perisa tiruan halal juga hendaklah tidak menggunakan nama atau nama sinonim dengan istilah yang mengelirukan merujuk kepada makanan tidak halal," katanya menjawab soalan Senator Khairiah Mohamed yang meminta kerajaan menyatakan senarai bir halal yang diluluskan dan berada di pasaran serta syarat penjualan bir halal. Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negara bermula semalam dan berakhir pada 27 April ini.

Mengulas lanjut, Jamil Khir berkata sesetengah minuman tersebut mendapat sijil halal daripada syarikat swasta atau badan persijilan halal luar negara dan terdapat juga yang tidak menggunakan sebarang logo halal pada produk mereka.



KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 09
TARIKH: 18 APRIL 2017 (SELASA)

Bir halal tiada sijil halal Jakim: Jamil Khir

KUALA LUMPUR - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom menegaskan sehingga kini tiada sijil halal dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) untuk minuman 'bir halal' atau mana-mana produk menggunakan nama menyerupai atau dikaitkan dengan perkara yang haram.

Menurutnya, penggunaan nama bir halal bertentangan dengan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) dan Standard Malaysia (MS1500:2009) yang dijadikan asas kepada Jakim dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam pengurusan sijil halal.

"Dalam manual berkenaan, jelas dinyatakan bahawa produk yang menggunakan nama

ataupun nama sinonim dengan produk tidak halal atau istilah yang mengelirukan seperti ham, bak kut teh, bakon, bir dan seumpama dengannya adalah tidak layak memohon Sijil Halal Malaysia.

"Makanan halal dan bahan perisa tiruan halal juga hendaklah tidak menggunakan nama atau nama sinonim dengan istilah yang mengelirukan merujuk kepada makanan tidak halal," katanya menjawab soalan Senator Khairiah Mohamed yang meminta kerajaan menyatakan senarai bir halal yang diluluskan, dan berada di pasaran serta syarat penjualan bir halal.

Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negara bermula semalam dan berakhir pada 27 April ini.

Mengulas lanjut, Jamil Khir berkata, sesetengah minuman tersebut mendapat sijil halal daripada syarikat swasta atau badan persijilan halal luar negara dan terdapat juga yang tidak menggunakan sebarang logo halal pada produk mereka.

"Perlu ditekankan di sini, Jakim dan JAIN adalah pihak berkuasa dalam persijilan halal Malaysia. Setiap permohonan sijil halal Malaysia perlu mematuhi MPPHM atau standard-standard keputusan fatwa dan peraturan yang berkaitan yang digunakan dalam urusan pensijilan halal Malaysia.

"Oleh itu, Jakim sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan minuman ini tidak menyalahgunakan logo halal Malaysia pada produk mereka," katanya.

Sebagai langkah menjaga kepentingan pengguna, Jamil Khir berkata, tindakan undang-undang di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, yang memperuntukkan hukuman sebanyak RM200,000 boleh digunakan jika sabit kesalahan kepada syarikat pengeluar produk tersebut sekiranya produk berkaitan didapati berada di pasaran yang menggunakan label dan tanda Halal Malaysia.

- Bernama



KERATAN AKHBAR
THE STAR (NEWS) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 18 APRIL 2017 (SELASA)

SS14 residents make green pledge

By KATHLEEN MICHAEL
kathleen@thestar.com.my

ABOUT 200 residents from SS14 in Subang Jaya have pledged to reduce, reuse and recycle their domestic waste.

SS14 Rukun Tetangga (RT) vice-chairman Pan Eng Tor said the RT had spread the word about Subang Jaya Municipal Council's (MPSJ) waste separation programme for SS14 via their Whatsapp group chat.

"We disseminated information and received new sign-ups with the RT after people heard about the programme from their neighbours," he said.

He added that apart from sorting waste at source, residents were encouraged to place their recyclable items in the bins provided behind the RT cabin at Padang Asam in Jalan SS14/6N, which will then be sold to a contractor.

During the launch, 60 compost and recycling bins were distributed to residents who registered their pledge while the rest would be delivered to registered homes.

Council representatives briefed the resi-

dents on how to make compost and recycle their rubbish.

MPSJ president Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan said the waste separation programme began last July at Putra Histari 2/5D with the participation of 52 residents.

Since last year, compost and recycling bins were given to residents in areas where there was a minimum of 50 participating households.

"We also have a Biomass Centre in Bandar Bukit Puchong to reduce solid waste," said Nor Hisham.

Initiatives under the biomass project include organic-waste composting, anaerobic digestion biogas, vermicomposting, food waste separation and recycling cooking oil.

Compost made at this centre is available for sale while residents will be paid RM1 for every kilogramme of discarded food they bring to the centre.

Nor Hisham said food waste at the centre that was converted to electricity had so far managed to light up seven streetlights in the area.

MPSJ is also working with Universiti Putra



Nor Hisham (right) launching the adoption of Padang Asam in SS14 Subang Jaya by Lions Club of Subang Jaya. With him is Lions Club of Subang Jaya member Adrian Lim.

Malaysia to run an Anaerobic Digestion Project at Sri Serdang market.

It plans to run a similar project with **Sirim Berhad** and the Energy, Green Technology and Water Ministry at the USJ 7 food court.

Separately, Nor Hisham along with Subang Jaya assemblyman Hannah Yeoh and councillor Ken Chia launched the adoption of

Padang Asam by Lions Club of Subang Jaya.

The club's president Sang Cheng Kee said they spent RM40,000 to build a walkway to the field and installed a rain harvesting system at the RT cabin.

They will be working with the SS14 RT to start landscaping works at the field soon to turn the place into a more conducive area for community events.